

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :**

**LISAN**

**DARIPADA :**

**DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH  
FADZIR**

**[KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH :**

**1.11.2016 (SELASA)**

**NO. SOALAN :**

**~~21~~ 23**

**YB Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kedudukan industri hub halal negara yang terkini dan apakah perancangan Kerajaan dalam usaha meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara rujukan dan pengeksport utama barang halal ke negara-negara Barat dan Asia Timur.

### **Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri halal merupakan industri yang semakin mendapat perhatian dan mempunyai potensi yang tinggi untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara. Nilai eksport produk halal negara pada tahun 2015 ialah sebanyak RM39.4 bilion (5%) berbanding eksport keseluruhan negara sebanyak RM779.9 bilion. Antara produk-produk yang dieksport adalah makanan dan minuman halal (RM19.5 bilion), ramuan halal (RM11 bilion) dan bahan daripada kelapa sawit (RM4.9 bilion).

2. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2016 pula, jumlah eksport halal bernilai RM15.03 bilion. Antara produk-produk yang dieksport adalah makanan dan minuman halal (RM6.7 bilion), ramuan halal (RM4.5 bilion) dan bahan daripada kelapa sawit (RM2 bilion).
3. Setakat ini, terdapat 22 taman halal di seluruh negara di mana 19 taman halal adalah di bawah seliaan Agensi Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri dan selebihnya adalah milikan swasta. Setakat ini sebanyak 14 taman halal telah menerima status HALMAS HDC bagi melayakkan syarikat yang ditempatkan di taman halal berkenaan menikmati galakan cukai. Sehingga Disember 2015, sebanyak 165 syarikat telah beroperasi di taman-taman halal dengan jumlah pelaburan mencecah RM10.6 bilion di mana RM3.9 bilion (32%) merupakan pelaburan tempatan dan telah dapat mewujudkan lebih daripada 7,750 peluang pekerjaan.
4. Antara peluang perniagaan yang terdapat di taman-taman halal adalah dalam sektor/industri pemprosesan makanan, kosmetik dan penjagaan diri, ramuan, farmaseutikal serta ternakan. Selain itu, terdapat juga peluang perniagaan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan dengan sektor/industri yang menyokong rantai halal seperti perkhidmatan logistik dan perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Berdasarkan kepada laporan *State of the Islamic Global Economy Report* 2015/16, Malaysia berada pada kedudukan teratas dengan capaian skor 116 bagi kesemua indikator yang ditetapkan iaitu makanan

halal, sistem kewangan Islam, pelancongan halal, fesyen terkini, pengurusan media dan rekreasi berteraskan halal, serta barang kosmetik dan farmaseutikal halal. Ia diikuti dengan Emiriah Arab Bersatu di tangga kedua dengan capaian skor 63 dan Bahrain di tangga ketiga dengan capaian skor 58.

6. Malaysia juga telah dianugerahkan Anugerah Pembangunan Industri Halal yang telah disampaikan kepada Halal *Development Corporation* (HDC) semasa Malam Gala Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) 2016 pada 29 September 2016 di Jakarta, Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Selaras dengan pertumbuhan pesat industri halal dan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub halal global, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui agensi seperti HDC dan MATRADE telah melaksanakan pelbagai aktiviti galakan perdagangan dalam membantu syarikat tempatan untuk mengembangkan pasaran dan mempromosikan produk-produk halal Malaysia di pasaran antarabangsa. Antara program-program yang dianjurkan oleh MATRADE ialah:

- (i) penganjuran Pameran Perdagangan Halal Antarabangsa Ke-13 (MIHAS 2016) pada 30 Mac – 2 April 2016 di Kuala Lumpur & Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur. Program ini akan diteruskan pada tahun 2017 dengan penganjuran MIHAS 2017 pada 5 – 8 April 2017;

- (ii) Program Penyumberan Antarabangsa (INSP) bersempena MIHAS untuk mempertemukan syarikat-syarikat pengeluar produk dan perkhidmatan halal Malaysia dengan pembeli dari luar negara;
- (iii) mempromosikan produk halal Malaysia di pasaran antarabangsa dengan menyertai pameran-pameran perdagangan ke luar negara; dan
- (iv) pengajuran Misi Perdagangan Khusus (*Export Acceleration Mission*).

Senarai program-program berkaitan adalah seperti di **Lampiran I.**

8. Selain daripada itu, HDC dengan kerjasama agensi-agensi MITI yang lain juga akan meneruskan pelaksanaan pelbagai program dan projek berpandukan Pelan Induk Industri Halal.

9. Bagi memperkasakan kepimpinan Malaysia dalam menerajui Pembangunan Industri Halal Global, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Halal Malaysia yang bertanggungjawab menyelaras semua kementerian dan agensi-agensi yang terbabit dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai peneraju halal global. Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Bidang tugas agensi-agensi utama yang terlibat dalam pembangunan industri halal juga telah diperjelaskan oleh Majlis ini di mana JAKIM berperanan dalam tadbir urus halal, pensijilan dan hal ehwal syariah, manakala HDC akan memberi tumpuan kepada pemerkasaan pembangunan industri halal negara dan memperkembangkan industri halal ke peringkat antarabangsa.

10. Selaras dengan fungsi HDC tersebut, program Transformasi Perniagaan Halal (HBT) telah dilaksanakan bermula pada tahun 2011. Program ini bertujuan meningkatkan daya saing dan jualan syarikat-syarikat halal yang menyertainya. Antara aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh HDC adalah aktiviti khidmat nasihat teknikal bekenaan pematuhan persijilan antarabangsa, padanan perniagaan dengan syarikat-syarikat multinasional dan perkhidmatan fasilitasi bagi mendapatkan bantuan kewangan dari institusi-institusi kewangan.
11. Bermula dengan penyertaan dari hanya 149 syarikat pada tahun 2011, bilangan peserta HBT telah meningkat kepada 2,784 syarikat, di mana 72% atau 1,999 adalah syarikat Bumiputera. Program ini telah berjaya membantu syarikat-syarikat halal tersebut menjana jualan dengan jumlah melebihi RM1.51 bilion atau secara purata RM500 juta jualan setahun.